

Tangguh 14 penerbangan

Balik Pulau: Sebanyak 14 penerbangan terpaksa ditangguhkan berikutan banjir kilat yang melanda Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Bayan Lepas, di sini, semalam.

Pengurus Kanan Malaysia Airport Berhad (MAB), Mohd Arif Jaafar berkata, semua penerbangan berkenaan terpaksa ditunda berikutan air naik di beberapa kawasan di LTAPP selain cuaca buruk kerana angin kuat dan hujan lebat sejak jam 2 petang.

Menurutnya, 14 penerbangan itu membabitkan 10 penerbangan di Balai Ketibaan dan 4 di Balai Berlepas.

“Air naik di kawasan tempat kenderaan mengambil penumpang, balai ketibaan dan di longkang sekitar laluan utama jalan masuk ke LTAPP.

“Keadaan lalu lintas di kawasan pintu ketibaan juga terjejas namun beransur pulih selepas air mulai surut kira-kira jam 7 petang,” katanya.